

# Dunia akui keistimewaan

UM - 9 OCT 1988

Ⓢ  
SUBANG 8 Okt. — Dunia hari ini mengakui keistimewaan Malaysia kerana telah berjaya memulihkan pertumbuhan ekonomi negara sebanyak sembilan peratus dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, di negara - negara Eropah yang ditadbirkan oleh pakar - pakar pentadbiran hanya mampu mencapai pertumbuhan ekonomi sebanyak satu setengah peratus sahaja dan ini merupakan satu kejayaan besar kepada negara.

Menurut beliau, kenaikan sembilan peratus itu adalah lapan kali ganda berbanding tahun lalu dalam tempoh yang sama.

"Dunia kini yakin kepada Malaysia, mereka percaya kepada negara ini yang aman dan sanggup melabur beribu juta ringgit di negara ini tanpa memikirkan pelaburan itu lesap begitu sahaja," katanya semasa berucap di perhimpunan rakyat di sini petang ini.

Perhimpunan yang dihadiri oleh beribu - ribu orang rakyat termasuk Menteri - Menteri Besar, Ketua - Ketua Menteri, menteri - menteri, timbalan - timbalan menteri dan wakil - wakil rakyat diadakan sempena kepulangan Perdana Menteri dari lawatan tiga minggu ke luar negeri.

Menurut Perdana Menteri lagi, disebabkan keadaan politik yang stabil, para pelabur asing telah tertumpu ke negara ini bukan ke negara lain disebabkan mereka tidak merasa yakin kestabilan negara - negara berkenaan.

"Kalau keadaan politik tidak stabil kita tidak akan dapat menarik pelaburan mereka (pelabur asing)," tegasnya.

Perdana Menteri juga menegaskan, negara mengakui kemerosotan ekonomi yang berlaku sekitar tahun 1985 dan 1986 disebabkan kejatuhan harga bahan - bahan mentah seperti kelapa sawit, getah, kayu balak, bijih timah disebabkan dunia sendiri mengalami kemerosotan.

Bagaimanapun, kerajaan telah bertindak memulih ekonomi sehingga berjaya mencapai sembilan peratus hanya dalam tempoh enam bulan pertama.

Katanya, tidak banyak negara maju lain yang mampu mencapai kejayaan seperti negara ini yang mempunyai rakyat berbilang kaum, agama, kebudayaan dan bahasa tetapi Malaysia telah membuktikan kemampuannya tanpa pertolongan mana - mana pihak.

## Malaysia - PM